

# IDAMAN PHARMA CALAMINE CREAM

Calamine/Zinc Oxide (8% w/w / 3% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Calamine Cream
2. Bagaimana Calamine Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Calamine Cream
4. Cara menggunakan Calamine Cream
5. Semasa menggunakan Calamine Cream
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Calamine Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Calamine Cream

Calamine Cream merupakan produk tanpa preskripsi untuk kegunaan kulit.

Produk ini digunakan untuk melegakan gatal, sakit dan ketidakselesaan akibat dari iritasi kulit yang ringan seperti ekzema, gigitan/sengatan serangga atau iritasi lain dan memberi keleongan kegatalan disebabkan jangkitan cacar air.

## Bagaimana Calamine Cream berfungsi

Calamine Cream memberikan kesan penyejukkan pada kulit dan ia amat berguna dalam mengurangkan iritasi kulit, gatal-gatal dan kesakitan.

## Sebelum menggunakan Calamine Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah atau alergi kepada Calamine, Zinc Oxide dan mana-mana bahan yang terkandung di dalam ubat ini.

### - Sebelum menggunakan Calamine Cream

Jangan gunakan pada luka atau kesan lecur dan jangan gunakan pada Kawasan kulit yang melebet, melepuh, pada kawasan kulit yang terdedah.

## Kehamilan dan Menyusu

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati jika anda boleh menggunakan Calamine Cream sewaktu anda hamil atau menyusukan anak.

Walaubagaimanapun, penggunaan Calamine Cream tidak dianggap merbahaya.

### - Jika menggunakan ubat-ubat lain

Sesetengah ubat mungkin berinteraksi dengan Calamine Cream. Walau bagaimanapun, tiada interaksi tertentu dengan Calamine Cream diketahui pada masa ini.

Calamine Cream mungkin mengganggu keputusan X-ray dalam keadaan tertentu.

Bertanya penjaga kesihatan anda jika Calamine Cream boleh berinteraksi dengan ubat lain yang anda ambil. Semak dengan mereka sebelum anda memulakan, menghentikan atau mengubah dos ubat apa-apa.

## Cara menggunakan Calamine Cream

Sentiasa guna Calamine Cream seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Elakkan ubat ini daripada terkena di bahagian mata, mulut, dan Kawasan kemaluan. Pastikan penutup ubat tidak pernah dibuka sebelum penggunaan pertama. Jika ia berlaku, jangan gunakan ubat tersebut.

Bersihkan dan keringkan kawasan terjejas sebelum menggunakan krim ini.

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan secara berhemat pada kawasan terjejas dan sekitar kawasan kulit dua atau tiga kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Kesan daripada dos berlebihan apabila digunakan secara topikal adalah sangat jarang. Sekiranya anda termakan secara tidak sengaja atau anda berpendapat sesiapa telah mengambil Calamine Cream secara tidak sepatutnya, hubungi doctor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

Simptom dari pengambilan dos berlebihan secara oral adalah gastrik, loya, muntah, ketidakselesaan pada epigastrik dan cirit-birit.

## Semasa menggunakan Calamine Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan maklumkan sama ada anda perlu meneruskan penggunaan ubat ini atau tidak.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Calamine Cream.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Hentikan penggunaan ubat ini sekiranya rasa pedih atau ruam terjadi atau keadaan berterusan.

Jangan berkongsi Calamine Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai symptom atau keadaan yang sama.

# IDAMAN PHARMA CALAMINE CREAM

Calamine/Zinc Oxide (8% w/w / 3% w/w)

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

## - Perkara yang perlu diberi perhatian

Calamine Cream adalah kegunaan luaran sahaja. Anda haruslah mengikut arahan yang telah diberikan oleh doktor dan ahli farmasi.

## Kesan – kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Calamine Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Calamine Cream mudah dan senang diterima namun ia boleh menyebabkan kekeringan sekiranya digunakan secara berlebihan.

Sekali-sekala hipersensitiviti atau kerengsaan mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) (*Consumers → Reporting Side Effect to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Calamine Cream

### - Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan bekas tertutup rapat di tempat yang kering, dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan pembekuan.

Jangan simpan ubat ini didalam bilik mandi, berdekatan dengan singki atau ambang tingkap. Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan guna ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusan, tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

### - Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim merah jambu yang sekata, bersih, lembut dan berbau harum.

### - Bahan -bahan kandungan

- Bahan aktif:  
Calamine 8% w/w dan Zinc Oxide 3% w/w

- Bahan tidak aktif

White soft paraffin, Cetomacrogol, Cetostearyl alcohol, Liquid paraffin, Anhydrous disodium hydrogen phosphate, Anhydrous sodium dihydrogen phosphate, Disodium edetate, Anhydrous citric acid, Propylene glycol, Phenylethyl alcohol, Chlorocresol, Purified water.

### - Nombor MAL:

MAL19912137XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd  
Lot 24&25, Jalan Perusahaan Lapan,  
Bakar Arang Industrial Estate,  
08000 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman, Malaysia.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

21/12/2021

## Nombor Siri:

NPRA(R2/1)211221/811